

SERAH TERIMA TUGAS PENGERUSI BAKAT INSMAT DAN MESYUARAT AGM BAKAT 2018

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/3027-serah-terima-tugas-pengerusi-bakat-insmat-dan-mesyuarat-agm-bakat-2018

INSMAT, 10 Feb 18 – Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT INSMAT telah diadakan di Dewan Banquet Wisma Perwira INSMAT. Majlis serah terima tugas ini adalah diantara Puan Yazihan binti Jusoh yang telah menyerahkan tugas kepada Puan Norliya binti Ngah.

Majlis ini telah disaksikan oleh YBhg Datin Zubaidah binti Abdullah, Isteri kepada Panglima Pendidikan dan Latihan Udara dan diiringi oleh YBhg Datin Nor Lizah binti Wagiyo, Isteri kepada AKS Materiel.

Turut hadir dalam majlis tersebut juga adalah Pegawai Memerintah iaitu Lt Kol Mohd Amran bin Yaakob TUDM, Pegawai-Pegawai, AJK dan Ahli BAKAT INSMAT. Turut diadakan pada Majlis tersebut adalah Penyampaian Sijil Kepujian Pegawai Memerintah. Selain itu, Mesyuarat AGM BAKAT bagi tahun 2018 juga telah dilaksanakan selepas upacara serah terima tugas selesai.

